

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91**

Mac/April 1991

EBS 409/2 Undang-Undang Perlombongan

Masa: [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** (5) soalan sahaja.

Agihan markah adalah sama.

Setiap soalan hendaklah dimulakan pada muka surat yang baru.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Di dalam Kanun Tanah Negara (National Land Code), takrif bahan batuan (rock material) ada diberikan. Di dalam Enakmen Perlombongan (F.M.S. Cap 147), istilah 'Perlombongan (Mining) atau melombong (to mine) juga ada diberikan. Di dalam kedua-dua terbitan di atas, istilah mineral tidak pernah ditakrifkan.

Beri takrif bahan batuan menurut terbitan Kanun Tanah Negara, perlombongan (atau melombong) menurut terbitan Enakmen perlombongan dan mineral mengikut penggunaan di dalam bidang geologi. Beri pandangan anda dan huraikan kenapa ada perbezaan di dalam penggunaan istilah-istilah di atas. Apakah yang perlu dilakukan bagi membaiki kelemahan (jika ada) atau kekuatan dari segi penakrifannya.

(100 markah)

2. Di dalam Enakmen Perlombongan (F.M.S. Cap. 147) ada disebutkan lima syarat yang wajib dipatuhi ketika memperolehi lesen melombong individu (Individual Mining License). Nyatakan syarat-syarat tersebut dengan jelas. Adakah pemberian lesen di atas membenarkan pemajaknya melombong syel minyak (oil shale) atau minyak (mineral oil)?

(100 markah)

3. Beri kenyataan ringkas mengenai 3 daripada empat perkara berikut:-

- i) permit carigali
- ii) lesen carigali
- iii) sijil melombong
- iv) memperbaharui sijil melombong atau pajakan melombong.

(100 markah)

4. Nyatakan dengan jelas tanggungjawab dan kuasa merinyu galian (mine inspector) sebagaimana yang diperuntukkan oleh akta perlombongan. (Perhatian: Tanggungjawab dan kuasa adalah dua perkara yang berlainan).

(100 markah)

5. Di dalam pembelajaran anda mengenai Undang-Undang Perlombongan sehingga kini, tentu ada perkara-perkara yang dirasakan perlu dilonggarkan, diperbaiki, dimansuhkan jika kegiatan industri perlombongan ingin dimajukan ke tahap yang boleh dibanggakan.

Beri pendapat anda mengenai kelemahan-kelemahan yang terdapat pada Undang-Undang Perlombongan dan cara mengatasinya (Hadkan jawapan anda kepada tiga mukasurat sahaja).

432

(100 markah)

6. Bincangkan dengan jelas peruntukan penggunaan air di dalam perlombongan terutama dari sudut perlesenan air, penyimpangan sungai dan pembersihan air.

-oooOooo-